



MAJLIS BANDARAYA IPOH

KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada syarikat yang masih sah berdaftar dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan serta yang masih dibenarkan membuat tawaran bagi melaksanakan kerja-kerja seperti berikut:-

BIL.	BUTIR-BUTIR TENDER	KOD BIDANG / KELAYAKAN	TARIKH/HARGA/TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARIKH/MASA TUTUP & LOKASI PENGHANTARAN DOKUMEN TENDER
1.	<p><u>NO. TENDER</u> T0013/22</p> <p><u>FAIL RUJUKAN</u> P/4/2/5/22</p> <p><u>TAJUK</u> <u>CADANGAN</u> <u>PEMBAHARUAN</u> <u>PERLINDUNGAN INSURANS</u> <u>AM MAJLIS BANDARAYA</u> <u>IPOH BAGI TEMPOH 24</u> <u>BULAN</u></p>	<p>(TERBUKA) BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN</p> <p>KOD BIDANG 221801- SYARIKAT INSURAN (PERLU LESEN BANK NEGARA)</p>	<p><u>TARIKH JUAL</u> 20 SEPTEMBER 2022(SELASA) HINGGA 10 OKTOBER 2022(ISNIN)</p> <p><u>HARGA DOKUMEN</u> RM50.00 (TIDAK AKAN DIKEMBALIKAN)</p> <p>LAYARI LAMAN SESAWANG MAJLIS BANDARAYA IPOH https://myperolehan.mbi.gov.my.</p>	<p><u>TARIKH TUTUP</u> 11 OKTOBER 2022(SELASA) 12:00 TENGAH HARI</p> <p><u>LOKASI PENGHANTARAN</u> <u>DOKUMEN TENDER</u> <u>PETI TENDER/ SEBUT</u> <u>HARGA</u> LOBI UTAMA, ARAS BAWAH, IBU PEJABAT MAJLIS BANDARAYA IPOH</p>

2. Dokumen tender/sebut harga **mestilah** dikemukakan bersama Borang Pengesahan Pembelian Dokumen Tender/Sebut Harga Bil.01/2021 yang boleh diperolehi di kaunter Unit Perolehan, Tingkat 1, Ibu Pejabat Majlis Bandaraya Ipoh **dari jam 8.30 pagi hingga 12.30 tengah hari (hari bekerja)** sepanjang tempoh iklan. **Borang ini hanya dikeluarkan kepada individu yang diberi kuasa oleh syarikat bagi urusan perolehan kerajaan seperti nama yang tercatat dalam SIJIL KKM atau kakitangan syarikat dengan mengemukakan SIJIL ASAL KKM berserta salinan penyata caruman KWSP terkini yang telah diproses (untuk simpanan majikan).** **Tawaran yang tidak lengkap akan ditolak.**

3. Pendaftaran pembekal dan pembelian dokumen tender dengan Majlis Bandaraya Ipoh perlu dibuat secara atas talian di laman sesawang <https://myperolehan.mbi.gov.my>. Dokumen tender yang dibeli perlu dicetak dan **dibukukan/ didokumentasikan**. Bayaran bagi pendaftaran dan pembelian dokumen tidak akan dikembalikan.

4. Naskah Meja Dokumen Tender boleh dimuat turun melalui laman sesawang <https://myperolehan.mbi.gov.my>.

5. Dokumen tender hanya dijual kepada syarikat **Dengan Sijil Kementerian Kewangan Malaysia, 3 bulan sebelum tamat tempoh.**

6. Petender mestilah tidak mempunyai sebarang **tunggakan (Cukai taksiran/ kompaun/ sewaan/ semak-samun/ pelbagai tunggakan lain)** dengan Majlis Bandaraya Ipoh. Sekiranya petender mempunyai tunggakan, pembayaran boleh dibuat secara atas talian di laman sesawang <https://d.mbi.gov.my>. **Diingatkan pembayaran hanya akan diproses dalam tempoh 1-3 hari bekerja.**

7. Semua dokumen tender mestilah dikemukakan dalam sampul surat berlakri, ditulis tajuk dan nombor tender berkenaan di penjuru kiri hadapan serta dialamatkan kepada **Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Ipoh, Jalan Sultan Abdul Jalil, Greentown, 30450 Ipoh** dan dimasukkan ke dalam **Peti Tender/Sebut Harga di Lobi Utama, Aras Bawah, Ibu Pejabat Majlis Bandaraya Ipoh.**

8. Majlis Bandaraya Ipoh **tidak terikat** untuk menerima tawaran terendah ataupun sebarang tawaran. Pihak Majlis juga tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang dokumen tender yang tidak terdapat di dalam Peti Tender/Sebut Harga setelah Peti Tender/Sebut Harga dibuka.

9. Bukti penghantaran bukan bukti penerimaan dan keputusan Majlis Bandaraya Ipoh adalah **muktamad**. Sebarang rayuan atau surat menyurat adalah **tidak dilayan**.

SURIANI BINTI ISMAIL
PENGARAH UKUR BAHAN & PEROLEHAN
MAJLIS BANDARAYA IPOH

MOHD SHAHRIN BIN NORDIN
JURUUKUR BAHAN
MAJLIS BANDARAYA IPOH